

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad) minta
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan memberitahu jumlah
pertubuhan peladang di kawasan Pasir Puteh.
Apakah peranan yang dimainkan oleh setiap PPK
dan pencapaian/ kejayaan yang dicapai setakat
ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat dua buah PPK di kawasan Pasir Puteh iaitu PPK Cherang Rotan dan PPK Bukit Jawa yang dikawalselia oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Antara peranan yang dimainkan oleh kedua-dua PPK tersebut ialah membantu KADA meningkatkan pengeluaran padi dan beras, di samping menyediakan kemudahan perkhidmatan kejenteraan ladang, input pertanian, pembiayaan kredit, serta melaksanakan pelbagai program ekonomi terutama dalam bidang pertanian kepada ahli-ahli peladang. Selain itu, PPK tersebut juga memberi perkhidmatan pengembangan terutama dalam penggunaan teknologi baru dan melaksanakan aktiviti sosial dan kemasyarakatan ke arah menyatupadukan masyarakat dalam kawasan PPK.

Antara pencapaian dan kejayaan kedua-dua PPK tersebut ialah berjaya meningkatkan keluasan kawasan penanaman padi serta produktiviti pengeluaran

padi melalui pelaksanaan Mini Estet Padi dan projek NKEA Padi di Bendang Cherang Rotan. PPK tersebut juga berjaya membangunkan usahawan padi komersial individu dengan keluasan tanaman melebihi 20 ekar seorang, di samping melahirkan usahawan tani dalam bidang pemprosesan makanan yang berjaya mencatat nilai pendapatan tahunan jutaan ringgit seperti Syarikat Manzini di Kg. Padang Pak Amat, Pasir Puteh. Pihak PPK bersama KADA juga telah membantu dalam pembesaran premis, mendapatkan persijilan HALAL dan memberi khidmat nasihat yang berterusan.

Dibawah pengendalian Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terdapat 3 buah PPK di kawasan Pasir Puteh iaitu PPK Tiga Daerah, PPK Bukit Awang dan PPK Semerak. Peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga PPK adalah seperti menyediakan perkhidmatan barang-barang bekalan ladang, perkhidmatan pemasaran, perkhidmatan infrastruktur ladang, perkhidmatan mekanisasi dan automasi ladang. Selain itu PPK ini juga menyediakan khidmat pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pembiayaan dan simpanan, kemudahan teknologi memproses makanan, perkhidmatan pengembangan serta khidmat nasihat, perkhidmatan lepas tuai perkhidmatan pusat sumber dan siber tani.

Antara pencapaian dan kejayaan PPK di bawah pengendalian LPP, adalah sebanyak 73 unit peladang dengan jumlah keahlian seramai 9,087 orang ahli telah dibangunkan dengan jumlah saham terkumpul sebanyak RM1,045,972. Manakala isipadu perkhidmatan adalah sebanyak RM8,676,806. Daripada jumlah tersebut 47% melibatkan perkhidmatan pembekalan barang-barang bekalan dan input pertanian, 5% melibatkan perkhidmatan automasi ladang, 21% melibatkan perkhidmatan pemasaran dan 27% melibatkan lain-lain perkhidmatan. Selain itu, sejumlah RM26,270 juga telah dibelanjakan bagi tujuan kebajikan melibatkan 2601 orang ahli.

PPK di Pasir Puteh ini juga berjaya menyumbang terhadap pengeluaran agromakanan melalui penyertaan ahli di dalam aktiviti pengeluaran makanan. Seramai 419 orang peladang dapat digembeling oleh ketiga-tiga PPK tersebut dalam enam (6) komoditi agromakanan dengan pencapaian pengeluaran tahunan adalah sebanyak 2,598.33 metrik tan dengan nilai hasil RM4,440,640.